


MAKLUMAT BERKAITAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI TUJUAN PUBLISITI UNIVERSITI

KOLEJ KEDIAMAN DALAM KAMPUS (KKDK) UTHM

BIL.	TAJUK	PENERANGAN
1.	<p data-bbox="481 486 772 510">LATAR BELAKANG LOKASI</p>   	<p data-bbox="913 486 1968 651">Kolej Kediaman Dalam Kampus Parit Raja (KKDK PR) merupakan salah satu kolej kediaman di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). KKDK PR terbentuk hasil perancangan pengurusan UTHM yang telah menstrukturkan semula organisasi Kolej Kediaman Universiti dengan menggabungkan Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail dan Kolej Kediaman Tun fatimah di bawah satu pentadbiran bermula pada 1 Febuari 2022.</p> <p data-bbox="913 691 1968 890">Dengan motto “Kekal Unggul” dijadikan semangat untuk warga KKDK PR untuk terus unggul sebagai sebuah pusat penginapan pelajar dan turut menjadi pusat pembangunan akademik dan sahsiah pelajar. Justeru, Pihak Pentadbiran Kolej dan wakil mahasiswa melalui Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) sentiasa berusaha menjadikan KKDK PR sebagai sebuah penginapan dengan ekosistem pembelajaran kondusif serta merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dalam rangka membangunkan pelajar UTHM.</p> <p data-bbox="913 930 1968 1058">KKDK PR mampu menampung jumlah pelajar seramai 3196 orang pada kapasiti maksimum. Selain itu, KKDK PR turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bilik perbincangan, bilik bacaan, bilik dobi, cafeteria, pantri, koperasi, gelanggang badminton dan lain-lain kemudahan.</p> <p data-bbox="913 1098 1968 1233">Menjadi harapan pihak pengurusan KKDK PR agar semua penghuninya mampu mendapat pengalaman kampus secara menyeluruh daripada pelbagai aspek termasuk penajaan keintelektualan, kepimpinan, keusahawan dan pelbagai keterampilan unggul sebagai seorang mahasiswa universiti.</p>

2.	JUMLAH BILIK	LELAKI	468
		PEREMPUAN	372
3.	JUMLAH MUATAN /KATIL	LELAKI	1744
		PEREMPUAN	1512

JENIS - JENIS BILIK PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN

BIL.	PENERANGAN	GAMBAR
KATEGORI RUMAH / BILIK		
1.	<p>Bilik Berdua Kolej Kediaman Tun Syed Nasir</p> <p>Rumah : Asrama Jenis : Bilik Kapasiti : 2</p> <p>Kolej Kediaman Tun Syed Nasir merupakan kolej yang tertua di UTHM dan kapasiti setiap bilik adalah berdua. Manakala jenis penginapan adalah berbentuk kolej.</p>	

2. **Bilik Premium**
Kolej Kediaman Tun Syed Nasir

Rumah : Asrama
Jenis : Bilik
Kapasiti : 2






2. **Bilik Berlima**
Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail
Kolej Kediaman Tun Fatimah

Rumah : Asrama
Jenis : Bilik
Kapasiti : 5

Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail dan Tun Fatimah menawarkan penginapan jenis berlima. Terdapat 3 kail setingkat dan 1 katil dua tingkat.



KEMUDAHAN DI KOLEJ KEDIAMAN

BIL.	PENERANGAN	GAMBAR
1.	<p>BILIK AKTIVITI</p> <p>Bilik aktiviti sering digunakan oleh pelajar untuk membuat perbincangan bersama. Bilik tersebut bertempat di blok pelajar dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Walau bagaimana pun, pelajar perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.</p>	
2.	<p>BILIK GERAKAN PELAJAR</p> <p>Terdapat 1 bilik gerakan pelajar di KKTDi dan ianya selalu digunakan untuk mesyuarat Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP). Bilik gerakan tersebut juga digunakan sebagai bilik tumpuan untuk pelajar mendapatkan apa-apa maklumat terkini mengenai KKDK.</p>	
3.	<p>BILIK MESYUARAT</p> <p>Bilik mesyuarat KKDK bertempat di KKTDI dan KKTF. Ianya sering digunakan oleh mesyuarat KKDK dan juga PTJ yang memerlukan tempat untuk bermesyuarat.</p>	

<p>4.</p>	<p>DEWAN AKTIVITI</p> <p>Terdapat 2 dewan aktiviti yang bertempat di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail dan Tun Fatimah. Dewan ini sering digunakan untuk kegiatan pelajar, mesyuarat dan kelas pelajar. Terdapat kemudahan seperti kerusi, meja, sistem siaraya dan projector untuk kegunaan pengguna yang menggunakan dewan tersebut.</p>	
<p>5.</p>	<p>GAZEBO</p> <p>Terdapat gazebo yang ditempatkan di beberapa kawasan sekitar kolej kediaman. Pelajar boleh menggunakan gazebo tersebut sebagai tempat perbincangan dan perjumpaan.</p>	
<p>6.</p>	<p>GELANGGANG BOLA JARING</p> <p>Gelanggang bola jaring hanya disediakan di belakang gelanggang serbaguna di KKTDI. Ianya boleh digunakan oleh pelajar dan pelajar perlu memakai pakaian sukan yang bersesuaian ketika bersukan.</p>	

KAFETERIA

Terdapat 3 kafe di KKTSN, KKTDI dan KKTF. Kafeteria Kolej Kediaman dipantau sepenuhnya oleh pihak Bizdec dan sentiasa beroperasi sepanjang semester. Harga yang dijual juga berpatutan dan sesuai dengan kemampuan pelajar.



MESIN LAYAN DIRI

Mesin layan diri di Kolej Kediaman disediakan oleh pihak PTU dan Bizdec serta diselenggara sepenuhnya oleh pihak mereka. Pelajar boleh menikmati makanan dan minuman yang disediakan dengan harga yang berpatutan.



MESIN PENAPIS AIR

Mesin ini disediakan oleh pihak PRP bagi menyantuni keperluan minuman pelajar. Mesin ini merupakan inisiatif dari mantan TNC HEPA (PM Dr. Afandi Ahmad) sebagai salah satu cara membantu pelajar mendapat bekalan air minum yang bersih.



PANTRI KKTDI

Pantri ini boleh digunakan oleh pelajar sekiranya ada keperluan untuk memasak makanan. Pihak kolej kediaman hanya menyediakan senarai peralatan asas dan tidak merbahaya sekiranya pelajar menggunakannya.



PARKIR

Kawasan parkir di kolej kediaman adalah terhad dan hanya pelajar tahun 2 ke atas sahaja yang dibenarkan membawa kenderaan. Keselamatan kenderaan pelajar adalah dibawah tanggungjawab pelajar sendiri. Pelajar perlu mempamirkan pelekat kenderaan yang sah dan yang didaftarkan dengan pihak UTHM



PARKIR BERBUMBUNG MOTOSIKAL

Kawasan parkir di kolej kediaman adalah terhad dan hanya pelajar tahun 2 ke atas sahaja yang dibenarkan membawa kenderaan. Keselamatan kenderaan pelajar adalah dibawah tanggungjawab pelajar sendiri. Pelajar perlu mempamirkan pelekat kenderaan yang sah dan yang didaftarkan dengan pihak UTHM



SURAU

Terdapat 3 surau di KKTSN, KKTDI dan KKTF. Ianya diselenggara sepenuhnya oleh pihak PPP dan penggunaannya diuruskan oleh Exco Kerohanian dan Etika MKP KKDK serta dipantau oleh Felo penasihat.



PUSAT SERVIS KKDK

Terdapat pusat servis di KKDK yang diuruskan oleh pelajar keusahawanan. Pusat servis ini menawarkan khidmat penyimpanan parcel yang lebih selamat. Ini merupakan projek inkubator UTHM dari PTU. Pihak KKDK telah mendapat suntikan modal dari pihak PTU untuk menggalakkan pelajar lebih aktif di dalam bidang keusahawanan.



BARBER SHOP

Barber shop di KKDK yang diuruskan oleh pelajar keusahawanan merupakan salah satu program inkubator UTHM. Kedai ini diuruskan oleh pelajar dan memberi khidmat kepada pelajar. Pihak KKDK telah mendapat suntikan modal dari pihak PTU untuk menggalakkan pelajar lebih aktif di dalam bidang keusahawanan.

